

**NO SOALAN :380**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincikan jumlah hutang korporat pelaksanaan projek pembinaan MRT Fasa I hingga III. Nyatakan kaedah pembayaran balik dan perincikan pihak pembiutang berkenaan.

**JAWAPAN**

DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) adalah sebuah syarikat tujuan khas (SPV) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 3 Mac 2011 dengan tujuan utamanya untuk memperoleh dan menguruskan dana bagi projek-projek prasarana yang ditentukan oleh Kerajaan.

Merujuk kepada soalan di atas, projek infrastruktur yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan kepada Danalnfa setakat ini adalah seperti berikut :

<b>Projek</b>	<b>Program Pembentangan setakat 22 November 2017</b>
• Projek MRT Laluan 1 (Laluan Sungai Buloh - Kajang)	RM46.0 bilion
• Projek MRT Laluan 2 (Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya)	

Pembayaran balik keseluruhan terbitan Sukuk dan pembentangan yang diraih oleh Danalnfa bagi Projek MRT Laluan 1 dan Laluan 2 akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan berdasarkan jadual pembayaran balik yang telah dipersetujui antara Kerajaan dan Danalnfa. Komitmen ini termaktub di bawah Perjanjian Pembentangan (*Funding Agreement*) bertarikh 28 Ogos 2015 dan perjanjian tambahan bertarikh 15 Oktober 2017 yang telah dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dan Danalnfa.

Setakat 22 November 2017, Danalnfa telah menerbitkan sebanyak RM39.88 bilion Sukuk dalam pasaran modal tempatan bagi menampung kos Projek MRT Laluan 1 dan Laluan 2. Setiap siri

terbitan sukuk mempunyai pembeli (*investor*) yang berbeza. Untuk makluman, Sukuk-sukuk ini diniagakan di pasaran kewangan (*secondary capital market*). Oleh yang demikian, pemegang-pemegang sukuk sentiasa berubah.